

UCAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG
DI MAJLIS PEMBUKAAN KEJOHANAN OLAHRAGA GABUNGAN
SEKOLAH SEKOLAH YANG KE 23 YANG AKAN DIADAKAN
DI STADIUM BANDARAYA PADA HARI KHAMIS, 24HB JUN,
1976 JAM 5.00 PETANG

Pengerusi dan Ahli Ahli Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang,
Pengarah Pelajaran Pulau Pinang,
Dzif-Dzif yang dihurmati,
Ahli-Ahli Jemaah Pengelola dan Pengurus,
Guru-Besar Guru Besar dan Guru-Guru,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan setinggi-
tinggi tahniah dan terima kasih kepada Majlis Sukan Sekolah-Sekolah
Pulau Pinang kerana telah menganjurkan Kejohanan Olahraga Gabungan
Sekolah-Sekolah yang ke 23 yang akan diadakan selama 3 hari mulai
hari ini.

2. Temasya Sukan Gabungan Sekolah-Sekolah ini merupakan
temasya yang paling besar sekali yang pernah diadakan pada tiap-
tiap tahun di dalam Negeri kita dan saya sungguh menghargai usaha-
usaha terkemuka yang telah disumbangkan oleh Majlis Sukan Sekolah-

Sekolah Pulau Pinang dalam memajukan sukan di kalangan murid-murid kita di sekolah sekolah rendah dan juga di sekolah sekolah menengah. Ini menandakan dengan jelasnya semangat dan minat yang bersungguh-sungguh yang telah ditunjukkan oleh murid-murid kita dalam lapangan olahraga di samping pelajaran-pelajaran dan aktiviti-aktiviti luar yang lain.

3. Sukan dan permainan pada hari ini telah bertambah penting dengan menguntukkan satu peluang kepada murid-murid sekolah untuk memajukan keadaan badan mereka dan juga untuk bertanding di antara satu sama lain dalam semangat kesukunan dan persahabatan. Temasya Sukan ini akan membolehkan ahli-ahli olahraga kita yang masih muda untuk menunjukkan kemahiran dan kecenderungan mereka dalam pelbagai acara sukan dan di samping itu memupuk disiplin dan menanam semangat kesukunan dalam sanubari mereka. Semasa

mereka berjuang untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang, peluang untuk kenal-mengenal di antara satu sama lain dengan lebih erat akan seterusnya memupuk semangat kesabaran dan muhibbah yang akan mengatasi segala rintangan kaum dan masyarakat.

Ini adalah penting dalam usaha-usaha kita untuk membina satu masyarakat yang dinamik dan bersatu padu sepetimana yang dijangka oleh prinsip-prinsip Rukunegara.

4. Pada hari ini, masaalah-masaalah sosial, salahguna dadah, kecinciran dan keruntuhan akhlak telah kian bertambah serius. Adalah perlu bagi para guru, ibu bapa dan pemimpin masyarakat kita memainkan satu peranan yang lebih aktif dalam menyemai kesedaran dalam sanubari pelajar-pelajar tentang gejala-gejala buruk ini yang mengancam akan memusnahkan kemasyarakatan Negara kita. Pelajar-pelajar kita mestilah digalak supaya mengambil minat yang

lebih terhadap sukan dan permainan serta melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pelbagai peluang rekreasi yang sihat. Dengan berbuat demikian, mereka akan membina asas 'fibre' yang lebih kukuh dan dengan itu tidak akan begitu mudah terpedaya dengan 'tipu muslihat' pengedar pengedar dadah yang berhasrat memperalatkan kaum belia yang tidak sedar untuk tujuan mereka yang buruk.

5. Adalah sungguh menyenangkan hati untuk mengetahui bahawa banyak sekolah telah pun berusaha dengan giat untuk mengalakkan penyertaan yang lebih banyak dan luas di dalam bidang kegiatan-kegiatan luar. Kanak-kanak sekolah kita hendaklah memberi sokongan mereka yang sepenuhnya untuk mencapai tujuan ini demi kebajikan mereka sendiri. Negara kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan cergas. Adalah diharap semoga dalam tahun-tahun yang akan datang, saudara-saudari akan berjaya untuk

memenuhi keperluan ini.

6. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan yang ikhlas atas usaha-usaha terkemuka yang telah diberi oleh para penganjur Majlis Sukan Pulau Pinang dalam memajukan Sukan di dalam Negeri Pulau Pinang.

7. Sekarang dengan gembiranya saya mengisytiharkan Temasya Kejohanan Gabungan Sekolah-sekolah Tahunan yang ke 23 ini dibuka.

Terima kasih.